



## **Singapura jangan biadap.**

Suara Malaysia berpengaruh dalam arena politik dunia bukan kerana Malaysia sebuah negara besar dan kaya raya tetapi kerana keputusan yang dibuat Malaysia dalam mencari penyelesaian sebarang masalah menjadi inspirasi kepada mereka yang matang dan tidak melatah.

Malaysia telah mampu menjana ekonominya dengan cara dan corak tersendiri berbanding dengan jiran-jirannya yang hanya bergantung kepada negara asing yang dianggap "superior" tetapi lebih mementingkan diri. Suara Malaysia yang lantang dalam menangani sebarang isu termasuk isu keganasan global telah menjadikan Malaysia antara cabaran terbesar bukan sahaja dalam negara tetapi dari luar negara.

Malaysia mampu mengatasi sebarang kemelut politik dalaman kerana Malaysia mengamalkan demokrasi "total" dan kebebasan bersuara bukan hanya bercakap melaungkan hak asasi manusia sepertimana lain-lain negara tetapi melaksanakannya secara praktikal. Inilah yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang kukuh, mantap. Rakyat Malaysia yang matang dan telah mengharungi pelbagai cabaran samada dari dalam dan luar negara mampu mengujudkan jatidiri rakyatnya yang unggul.

Sebelum Amerika atau lain-lain negara membangkitkan isu keganasan, terrorisma dan keganasan, Malaysia telah lebih mengorak langkah dengan mengujudkan ISA bagi mengekang tindakan militan dan ekstremis. Kalau dahulu ISA dijadikan isu-isu besar menafikan hak-hak asasi manusia seperti yang disuarakan oleh SUHAKAM dan pembangkang tetapi kini ternyata tindakan Malaysia mengekalkan ISA bukan sahaja telah memberikan rahmat keharmonian kaum tetapi juga telah mencelikkan mata masyarakat dunia yang selama ini buta dan hanya mampu menjaga tepi kain jirannya sahaja.

Kalau dahulu kita bertarung dengan penganas komunis di hutan Malaya, kita mampu mengatasinya dan mencabar sesiapa sahaja yang menceroboh kedaulatan kita. Kalau dahulu Indonesia dikaitkan dengan konfrontasi ini kerana rakyatnya dikelabukan dengan aspirasi pemimpin mereka yang kononnya Malaysia telah diserang hanya semata-mata ada agenda politiknya tersendiri.

Malaysia tidak pernah menjaga tepi kain jirannya tetapi sering menjernihkan setiap satu masalah yang timbul sejajar dengan sikap kejiranan. Tetapi apabila Malaysia berlembut dan menghormati jirannya ternyata sikap berlembut ini telah menjerat leher Malaysia sendiri. Apakah Malaysia harus dipersalahkan atau kerana "jiran" itu yang tidak tahu budaya kejiranan?

Dilihat dalam kontek sejarah penubuhan Malaysia dan Singapura tidak banyak bezanya kerana kedua-duanya adalah berasal dari yang satu. Perbezaan yang ketara adalah sikap bongkak dan angkuh pemimpin-pemimpinnya sahaja. Kesian rakyat

Singapura yang tidak tahu hujung dan pangkalnya terpaksa berkorban masa dan tenaga hanya semata-mata untuk memenuhi hasrat agenda politik pemimpin mereka.

Ternyata Singapura bukanlah jiran yang baik yang boleh dibuat kawan dan bergantung semasa diperlukan tetapi ianya tidak lebih seperti "melepaskan anjing tersepit". Dalam semua hal Singapura sendiri takut dengan bayang-bayangannya dan bernafsu besar dengan lagak seperti sebuah negara yang begitu maju dan besar seperti Amerika. Bukan itu sahaja, Singapura telah memberi penekanan bahawa peruntukkan pertahanan mengatasi segala-galanya sepertimana negara Zionis yang mengancam rakyat Palestin. Tidak hairanlah sebilangan besar dari penasihat kewangan dan pertahanan Singapura adalah rakyat Israel. Sejak dari dulu lagi Singapura sering mencari pelbagai alasan dan berdolak-dalik dalam pelbagai isu yang timbul.

Apakah anda bebas menyuarakan pandangan anda sebagai penduduk dan rakyat Singapura? Tentunya tidak kerana setiap pergerakan anda akan sentiasa diawasi. Pembantu rumah dijadikan dan dilatih menjadi mata dan telinga perisikan Singapura. Setiap aktiviti masyarakat akan dikawal dan ditentukan masa tamatnya. Kelembapan ekonominya telah mengakibatkan Singapura terdesak dan memberhentikan lebih 27,000 rakyatnya dari bekerja atas alasan ingin mengurangkan kakitangan/perbelanjaan. Islam sering dikaitkan dengan keganasan dan bertindak keterlaluan melebihi penguatkuasaan yang dijalankan oleh negara asing.

Bukan itu sahaja, dari akhbar tempatan Singapura yang dipetik baru-baru ini sebilangan besar rakyatnya yang telah diberhentikan kerja kerana tidak mampu untuk membayar bil utiliti termasuk api/air dan terpaksa memohon bantuan AP kawasan masing-masing untuk membayar secara ansuran. Begitu teruk sekali merudumnya ekonomi Singapura ketika ini tetapi ianya sering disembunyikan fakta ini dari pengetahuan rakyatnya yang menjadi korban adalah rakyat Singapura sendiri. Sebilangan besar dan majoritinya adalah orang Melayu. Kasihan mereka kerana terpaksa bergelut dengan kemelut politik pemimpin mereka.

Kerana sikap sombong dan angkuhnya, Singapura menawarkan "air najis New-Water" sebagai suci dan boleh diminum untuk rakyatnya hanya semata-mata menunjukkan mereka mampu untuk berdikari sendiri sekiranya Malaysia membatalkan perjanjian air 1960. Tetapi malang sekali ludah yang di buang terpaksa dijilat kembali tetapi bertindak lebih bongkak dengan memberikan pelbagai syarat mengenai perjanjian air seolah-olah sumber air itu milik mereka. Kerana tekanan MUIS yang bertindak sebagai agensi Islam Singapura terpaksa akur dengan kepentingan politik pemimpinnya dan mengakui "new-water" adalah suci dan boleh dibuat sembahyang. Tidakkah MUIS mengakui setiap sesuatu yang asalnya najis akhirnya najis juga, dan syarat sah sembahyang adalah kebersihan? Yang jelas MUIS juga telah dipolitikkan.

Singapura telah bertindak diluar batas kejiiranannya dengan mengakui Pulau Batu Putih milik mereka? Tidakkah mereka tahu bahawa hakmilik pulau tersebut telah didaftarkan di Pejabat Tanah Johor Bahru dengan bil ( ?? ) dlm. PTG/Johor bla...bla..bla.... bila masa tanah pulau itu milik Singapura? Apakah Singapura bodoh sungguh dengan sejarah penubuhannya?

Tidak hairanlah kalau ianya satu kebodohan kerana penubuhan Singapura hanyalah atas belas ihsan Malaya ketika itu dan mereka hanya menerima sebuah pulau sahaja. Singapura yang jauhnya lebih 30 batu nautika berbanding dengan Malaysia hanya beberapa batu nautika sanggup untuk meludah dan mengakui pulau itu milik mereka. Pemimpin Singapura perlu menilai semula sejarah penubuhannya sendiri sebelum bongkak mengakuinya pulau itu milik mereka.

Dengan menghalau wartawan Malaysia dan nelayan Malaysia dari perairan pulau tersebut dan menghantar kapal perang seolah-olah Singapura bukan dikalangan sebuah negara ASEAN. Tindakan yang dilakukan Singapura dengan mencabuli kedaulatan Malaysia ADALAH SUATU TINDAKAN YANG PALING BODOH YANG PERNAH DILAKUKAN OLEH SEBUAH NEGARA YANG KONONNYA TELAH MAJU DAN MATANG.

Provokasi yang ditunjukkan oleh Singapura perlu ditangani tegas oleh Malaysia dan kita tidak perlu berlembut. Kalau jiran tidak menghormati budaya kejiranan adalah lebih baik berbaik dengan seekor anjing sahaja yang boleh menjaga tuannya.

RAKYAT JOHOR MENYARANKAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA SUPAYA MENILAI DAN MENELITI SEMULA SEMUA PERJANJIAN TERMASUK AIR YANG MELIBATKAN SINGAPURA atau membatalkan sahaja perjanjian tersebut memandangkan sikap pelanggan yang biadap dan angkuh. Singapura boleh membeli air Malaysia sejajar dengan konsep komersial berharga RM1 bagi setiap botol air galian. Ini adalah untuk mengajar kebiadapan Singapura yang dilakukannya.

Tindakan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan jambatan di Tambak Johor (kawasan Malaysia) harus dipercepatkan bagi membolehkan kapal-kapal melalui Selat Tebrau dalam memendekkan masa perjalanan dan tidak perlu mengelilingi Singapura. Ada baiknya kerana air di Selat Tebrau boleh kembali berkisar semula dan bersih. Persetan dengan budaya kejiranan kerana Singapura juga tidak langsung menghormati jirannya.

Kenapakah Singapura begitu lantang dan berani mengakui Pulau Batu Putih yang sememangnya milik Malaysia sebagai hakmiliknya? Apakah tindakan provokasi yang dilakukan ini ada kepentingan politiknya atau ianya hanya sebagai alat untuk menjerumuskan Malaysia dalam konflik antarabangsa? Apakah dengan mencabuli kedaulatan Malaysia kita akan melatah seperti Singapura?

Kalau dilihat dari senario politik dunia sekarang, negara besar seperti Amerika sedang berusaha untuk menjadi Polis dunia melalui pelbagai kempen politiknya seperti Afghanistan, keganasan, Iraq dan sebagainya. Penguasaan secara global samada dalam bentuk ekonomi atau politik sering dikaitkan dengan kempen-kempen hak asasi manusia sebagai satu alasan untuk mengaburi mata dunia.

Badan kewangan seperti IMF sering dimonopoli dan diperalatkan oleh kuasa-kuasa besar ini yang mempunyai kepentingan politik mereka. Dalam penguasaan global ini banyak negara yang kecundang dan hancur dan terus ditekan dengan menjatuhkan pemimpin-pemimpin mereka. Asia Tenggara juga tidak terkecuali dari tindakan serangan ini dan ketika ini negara-negara ASEAN telah dijadikan bahan eksperimen mereka untuk bertapak. Salah satu negara yang tidak mungkin dicabuli secara berdepan ialah Malaysia kerana Malaysia mempunyai kelebihan tersendiri dengan rakyatnya yang matang dan bersatu.

Perjanjian Islam yang dipersetujui ketika itu ialah sekiranya Malaysia atau Indonesia di serang maka salah satu darinya wajib membantu antara satu sama lainnya. Malaysia dan Indonesia adalah serumpun dengan agama rasminya ialah Islam. Ini telah dbuktikan semasa konfrontasi dahulu tatakala Malaysia dikatakan telah diserang, maka rakyat Indonesia berkorban untuk menyelamatkan Malaysia.

Negara asing yang berkepentingan tidak juga bodoh dan mereka memperalatkan negara yang lain dalam memenuhi matalamat mereka. Mereka tahu kelemahan Indonesia melalui rasuah dan menghancurkannya melalui bentuk perang ekonomi yang disusun rapi melalui boneka-boneka mereka seperti Amien Rais. Yang pasti kehancuran yang berlaku di Indonesia tentuk negara itu tidak akan bangun lagi. Kerana ekonominya yang punah dan tidak menentu, pergolakan demi pergolakan dalaman berlaku dan Indonesia terpaksa menghabiskan banyak masa dan tenaga untuk membangunkan negaranya sendiri.

Apakah tindakan negara asing memperalatkan Singapura mempunyai motif yang sama untuk mencabar Malaysia? Kalau difikirkan secara waras dan matang tidak mungkin sebuah negara kecil akan sanggup mencabar sebuah negara yang lain yang maseh lagi bergantung sumber hasil bumi dari negara jirannya.

Pada ketika ini ramai dikalangan penduduk tetap Singapura telah membeli atau memiliki rumah sendiri di Malaysia kerana khuatir dengan kemelut yang berlaku dan ini diperakui oleh mereka apabila mereka berkunjung ke sini . Rata-rata dari berita yang diterima mereka bukan sahaja kurang senang dengan kemelut dalam Singapura tetapi beranggapan Singapura tidak mempunyai ruang kebebasan untuk beruara. Setiap tindak-tanduk rakyatnya akan diperhatikan oleh pihak tertentu. Kempen-kempen yang dijalankan, kata mereka hanya sebagai sandiwara sahaja. Malaysia mempunyai undang-undang yang praktikal dan boleh di gunakan oleh semua orang kecuali tidak melanggar peraturan-peraturan sediaada. Mereka bebas mengkritik dan memberi pandangan mereka. Tidak seperti di Singapura - buka mulut nahas bakal tidur dalam lokap Polis.

Akhir kata, rakyat Johor mengalu-alukan kenyataan oleh PM semasa ucapan tahun baru 2003 untuk bertindak tegas kepada mana-mana pihak yang mencabuli kedaulatan Malaysia dan telah tiba masanya Malaysia perlu menonjolkan kredibilitinya sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kita perlu menunjukkan kepimpinan dan kewibawaan kita apabila di tentang dan Singapura perlu faham sikap berlembut Malaysia ada batasnya. Buat pertama kalinya parti-parti di Malaysia termasuk pembangkang telah bersatu memperjuangkan tujuan yang sama dan membuat pendirian bahawa kami rakyat Malaysia akan berdiri teguh untuk kedaulatan Malaysia. Kami akan ganyang Singapura dengan kebiadapan mereka.

**JANGAN JADIKAN PULAU BATU PUTIH SEBAGAI KAIN PUTIH - INI ADALAH AMARAN KAMI. KAMI MENCADANGKAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA SUPAYA MENKKAJI SEMULA PERJANJIAN AIR DAN LAIN-LAIN PERJANJIAN DENGAN SINGAPURA. DIPERSETUJUI OLEH RAKYAT JOHOR**

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.